


Laporan Tahunanii  
**MACRES '99**  
Annual Report



# Laporan Tahunan MACRES MACRES Annual Report 99

## Isi kandungan / Contents

	muka surat / page
Profil / Profile	1
Objektif & Strategi 1999 / 1999 Objectives & Strategies	6
Perutusan Pengarah / Director's Message	7
Sorotan Peristiwa / Highlights of Events	13
Program Penyelidikan & Pembangunan / Research & Development Programme	19
Projek Penyelidikan MACRES / MACRES Research Projects	
Projek Penyelidikan IRPA / IRPA Research Projects	
Projek Kerjasama / Collaborative Projects	
Tempatan / Local	
Antarabangsa / International	
Program Operasi / Operations Programme	33
Pembangunan Tenaga Manusia / Human Resource Development	
Pembangunan Fisikal & Kemudahan / Physical Development & Facilities	
Perkhidmatan Pengguna / User Services	
Aktiviti Antarabangsa / International Activities	
Pentadbiran & Kewangan / Administration & Finance	61
Petunjuk Prestasi / Performance Indicators	67



**PROFIL**

---



---

**PROFILE**



## Profil / Profile

### Visi /Vision

Visi MACRES ialah untuk menjadi **peneraju** dalam bidang **remote sensing angkasa** dan teknologi-teknologi lain yang berkaitan, serta membawa negara ke arah **kecemerlangan di peringkat antarabangsa**.

MACRES' vision is to be a **leader** in the field of **space remote sensing** and related technologies and to lead the nation to **international excellence**.



Bangunan ibu pejabat baru MACRES  
MACRES new office building

### Misi / Mission

Misi MACRES ialah berusaha supaya negara mencapai **keupayaan berdikari** dan **kecemerlangan** di peringkat antarabangsa, **mengoperasikan teknologi-teknologi berkenaan** dan **menyokong industri** tempatan untuk bersaing dalam pasaran terbuka.

MACRES missions are to attain **national self-reliance** and international excellence, to **operationalise** the technologies, and to support the local industry to compete in the open market-place.



Untuk maklumat lanjut, kunjungi halaman web kami di [www.macres.gov.my](http://www.macres.gov.my)

For more information, visit our website at [www.macres.gov.my](http://www.macres.gov.my)

### Objektif / Objectives

Objektif MACRES ialah untuk **membangunkan teknologi remote sensing angkasa** dan teknologi-teknologi yang berkaitan dan **mengoperasikan penggunaanya** bagi tujuan pengurusan sumber asli dan alam sekitar, dan perancangan strategik negara.

MACRES objectives are to **develop space remote sensing** and related technologies and to **operationalise their applications** for natural resources and environmental management, and national strategic planning.

### PROGRAM UTAMA/ MAJOR PROGRAMMES

- Program Penyelidikan dan Pembangunan / Research and Development Programme
- Program Operasi / Operations Programme

## **Program / programme**

### **Program Operasi**

Program Operasi bagi tahun 1999 memberi keutamaan kepada pelaksanaan enam aktiviti berikut:

- Mengoperasi dan mengurus pusat perkhidmatan data remote sensing dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh MACRES untuk pengguna
- Mengurus dan menyelenggara sistem perkakasan dan perisian dalaman
- Merancang dan melaksanakan program pembangunan tenaga manusia
- Merancang dan melaksana program pengkorporatan MACRES
- Mengoperasi dan mengurus stesen penerima bumi remote sensing satelit
- Mengoperasi dan mengurus pusat maklumat remote sensing nasional



### **Operations Programme**

The Operations Programme for 1999 gave priority to the following six activities implementation:


- Operate and manage user service centre for remotely sensed data and other MACRES services
- Manage and maintain in-house hardware and software systems
- Plan and implement human resource development programme
- Plan and implement MACRES corporatisation programme
- Operate and manage satellite remote sensing ground station
- Operate and manage a national remote sensing information centre

## Program Penyelidikan dan Pembangunan

- Menjalankan penyelidikan dalam bidang remote sensing angkasa dan teknologi yang berkaitan dalam semua sektor pengurusan sumber dan alam sekitar, serta perancangan strategik.
- Menjalankan penyelidikan analisa ruang dan permodelan dalam prasarana sistem maklumat geografik (GIS)
- Menjalankan penyelidikan untuk pembangunan perkakasan dan perisian bagi segmen Pengguna, segmen Bumi dan Angkasa teknologi remote sensing dan teknologi lain yang berkaitan
- Menyediakan perkhidmatan perundingan dalam aplikasi dan pembangunan remote sensing angkasa dan teknologi lain yang berkaitan

## Research and Development Programme

- Conduct research on application of space remote sensing and related technologies in all sectors of resources and environmental management, and strategic planning
- Conduct research in spatial analysis and modelling in geographic information system (GIS) environment
- Conduct research for the development of hardware and software in User, Ground and Space segments of remote sensing and related technologies
- Provide consulting and advisory services on applications and development of space remote sensing and related technologies.




Imej satelit yang telah diklasifikasikan  
Classified satellite image



Stesen kerja untuk tugas  
penyelidikan dan pembangunan.  
Workstation for research and  
development purposes.

# Carta Organisasi Organisation chart



## Kumpulan Pengurusan MACRES MACRES Management Team



Berdiri dari kiri / Standing from left :

- Pn. Salmah Kassim - Ketua(Menanggung) Bhg. Korporat / Head(Acting), Corporate Division
- En. Jimat Bolhassan - Ketua, Bhg. Analisis & Pemodelan Data Spatial / Head, Spatial Data Analysis & Modelling
- En. Laili Nordin - Ketua II, Bhg. Analisis & Pemprosesan Imej/Head II, Image Processing & Analysis
- En. Darus Ahmad - Ketua I, Bhg. Data & Informasi / Head I, Data & Information Division
- Cik Mardiana Shafiee - Ketua, Bhg. Perancangan / Head, Planning Division
- En. Nik Nasruddin Mahmood - Pengarah MACRES / MACRES Director
- En. Loh Kok Fook - Timb. Pengarah (Menanggung) Penyelidikan & Pembangunan / Deputy Director(Acting) Research & Development
- En. Soo Soong Kwan - Ketua, Bhg. Penerimaan Data / Head, Data Reception Division
- En. Mansor Rahaman - Ketua, Bhg. Sistem & Konfigurasi / Head, System & Configuration Division
- En. Mohd. Sam Manaf - Ketua(Menanggung), Bhg. Pembangunan Perisian / Head(Acting), Software Development Division
- Pn. Nik Mazlina Nik Mustaffa - Ketua II(Menanggung), Bhg. Data & Informasi / Head II(Acting), Data & Information Division
- Cik Azmah Ali - Ketua(Menanggung), Bhg. Pembangunan Perkakasan / Head(Acting), Hardware Development Division

## Objektif / Objectives


Pada tahun 1999 MACRES meneruskan tumpuan kepada pembangunan kapasiti tenaga manusia, infrastruktur dan instrumentasi, dan pelaksanaan projek-projek penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti promosi bagi meningkat dan memperluaskan penggunaan teknologi remote sensing di Malaysia.

For 1999, MACRES continued focussing on capacity building of its human resource, infrastructure and instrumentation, and implementation of research and development projects and promotional activities to intensify applications of remote sensing technology in Malaysia.



*Pembinaan stesen bumi bagi perolehan data satelit remote sensing terkini*

*Construction of ground receiving station for real-time remote sensing satellite data acquisition*



## Strategi / Strategies

Bagi mencapai objektif tahunannya, MACRES menggunakan enam strategi, iaitu (i)membangun tenaga mahir dan terlatih; (ii)membangun infrastruktur dan memperolehi kelengkapan yang sesuai (iii) meningkatkan penyelidikan dan pembangunan; (iv) memperolehi data remote sensing satelit bagi memenuhi keperluan negara; (v) membantu dan menyokong industri tempatan untuk bersaing dalam pasaran terbuka; (vi) meningkat usahasama dengan agensi-agensi pengguna termasuk institusi pengajian tinggi.

To achieve its objectives, MACRES embarks on the following six strategies;(i)developing skilled and trained manpower; (ii)developing and acquiring appropriate infrastructure and facilities;(iii) intensifying research and development; (iv) acquiring satellite remote sensing data to meet national requirements; (v)support local industry to compete in the open market place; (vi)increase collaboration with relevant user agencies, including institutes of higher learning in development activities.

## Perutusan Pengarah / Director's Message

Tahun 1999 merupakan tahun peralihan yang paling mencabar buat MACRES. Dengan adanya kesan kegawatan ekonomi negara yang masih memberi impak kepada aktiviti pembangunan kerajaan, MACRES terpaksa mengubahsuai strategi dan perbelanjaan operasi dan pembangunan bagi mencapai objektif-objektif tahunannya dan meneruskan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuhnya. Salah satu projek utama yang telah berjaya disiapkan ialah bangunan ibu pejabat baru MACRES di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur dimana ianya telah diduduki pada 1 Julai 1999. Ibu-pejabat baru ini dilengkapkan dengan segala kemudahan pejabat dan stesen kerja untuk tugas penyelidikan. Bangunan baru ini mewujudkan satu persekitaran kerja yang lebih selesa dan memberangsangkan kepada kakitangan bagi meningkatkan produktiviti mereka. Dalam aspek pembangunan tenaga manusia, MACRES terus memberi peluang dan galakan supaya semua kakitangan menjalani latihan di dalam dan luar negara bagi menyediakan asas yang kukuh kepada usaha pembangunan teknologi remote sensing di negara ini.



1999 was a transition year of great challenge for MACRES. To minimise continuous impact of economic crisis on governmental development activities, MACRES adopted new strategies and expenditure for operations and development allocations so as to ensure for its annual objectives be achieved and continuation of projects under its Seventh Malaysian Plan. One project that was successfully completed was the MACRES new headquarters at Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur which was occupied on 1 July 1999. The new building is equipped with office facilities as well as workstations for research. The new office building provides more conducive working-environment for its staff to increase their productivity. With respect to human resource development, MACRES provided opportunities for its staff to undergo training locally and overseas in its effort to buildup strong foundation for the development and operationalisation of remote sensing in the country.

Penekanan utama MACRES terhadap penyelidikan dan pembangunan remote sensing telah banyak menyumbang kepada pengoperasian teknologi ini bagi tujuan pengurusan sumber asli dan alam sekitar, perancangan strategik dan pengurusan bencana alam dan keselamatan negara. Sebagai satu daripada langkah utama bagi meningkatkan pengoperasian teknologi ini, MACRES telah memeteraikan beberapa memorandum persefahaman dengan agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi untuk melaksanakan projek-projek kerjasama dalam penyelidikan dan aplikasi remote sensing. Langkah ini bertujuan menggalakkan pemindahan teknologi diantara komuniti teknologi remote sensing disamping membuka peluang bagi agensi kerajaan dan swasta berganding bahu dan berkongsi sumber untuk membina satu rangkakerja yang kukuh bagi pembangunan dan pengoperasian teknologi remote sensing angkasa di Malaysia. Tenaga pakar luar negara turut diundang untuk tujuan pemindahan teknologi dan membantu MACRES melalui projek-projek penyelidikan usahasama antarabangsa. Usaha-usaha yang telah dijalankan tersebut telah banyak meningkatkan kesedaran pengguna-pengguna menyebabkan teknologi ini semakin digunakan dengan meluas dalam berbagai sektor pembangunan negara.


MACRES main focus towards research and development in remote sensing has significantly contributed to the operationalisation of the technology in natural resources and environmental management, strategic planning, disaster and national security management. As one of the major efforts to facilitate operationalisation of the technology, MACRES had signed a number of memorandum of understanding with government agencies and higher learning institutes to allow for joint-venture projects in remote sensing research and applications. This is aimed to encourage technology transfer amongst remote sensing technology communities as well as to provide unique opportunities for these agencies to pool their resources in the effort to build a strong framework for the development of remote sensing technology in Malaysia. Experts from overseas were also engaged to assist MACRES through international collaborative research projects. The project-impacted efforts has increased awareness of the users which lead to widespread utilisation of the technology in the various sectors of the country development.

MACRES telah diminta oleh Kabinet untuk menggunakan teknologi remote sensing bagi menjalankan pemantauan menyeluruh aktiviti-aktiviti haram di kawasan-kawasan perlindungan dan sensitif alam sekitar seperti kegiatan penerokaan dan pembalakan haram di kawasan hutan simpanan dan tadahan air. Laporan-laporan berkaitan telah disediakan bagi membantu Kerajaan dalam merangka tindakan susulan sewajarnya. Dalam usaha memenuhi kepuasan pelanggan MACRES telah menjalankan langkah-langkah bagi mendapatkan pengiktirafan ISO 9002 bagi perkhidmatan data remote sensing satelit. Usaha ini merupakan satu langkah ke hadapan untuk memberi perkhidmatan berkualiti, sistematik dan menepati waktu pesanan kepada pengguna. Selaras dengan dasar kerajaan yang menekankan kepada pengumpulan dan penyebaran maklumat menerusi *internet*, MACRES telah membangunkan laman webnya yang diusahakan oleh sekumpulan pegawai teknologi maklumat dalaman.

Akhir kata, saya berharap MACRES akan sentiasa dapat memberi sokongan padu dan terus memainkan peranan yang aktif dan berkesan bagi mencapai visinya untuk menjadi peneraju dalam bidang teknologi remote sensing angkasa di Malaysia.

MACRES was requested by the Cabinet to make full use of remote sensing technology in monitoring illegal activities such as illegal logging and encroachment in protective and environmental sensitive areas, forest reserves and water catchment areas. Reports were submitted to assist the Government in formulating appropriate actions. In an effort to increase users satisfaction, MACRES has initiated an effort for ISO 9000 certification for remote sensing data services. This is another step towards delivering a more quality, systematic and timely data service for its users. In line with the governments policy to encourage use of internet for disseminating information, MACRES had put into service its homepage developed by of a group of in-house information technology personnel.

Lastly, I hope MACRES would continue to give full support and will always play an active role in making MACRES the leader in space remote sensing technology in Malaysia.



NIK NASRUDDIN MAHMOOD, FRSS  
Pengarah MACRES  
Director MACRES




## **SOROTAN PERISTIWA**

---



## **HIGHLIGHTS OF EVENTS**



## Sorotan Peristiwa / Highlights of Events



Bangunan ibu-pejabat baru MACRES yang telah siap dibina pada Jun 1999.

MACRES new headquarters which was completed in June 1999



Suasana pemindahan dari ibu pejabat sementara MACRES (City Square Centre) ke bangunan baru di Jalan Tun Ismail pada 1 Julai 1999

Shifting of MACRES temporary headquarters (City Square Centre) to the new building at Jalan Tun Ismail on 1 July 1999



Lawatan Y.B. Menteri Sains, Teknologi & Alam Sekitar ke bangunan ibu pejabat baru MACRES pada 12 Julai 1999.

The Honourable Y.B. Minister of Science, Technology & the Environment visit to MACRES new headquarters on 12t July 1999.

## Sorotan Peristiwa / Highlights of Events



Peserta Bengkel Landslide Hazard Zonation Using Remote Sensing & GIS, yang diadakan di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur pada 14-25 Jun 1999

Participants of Workshop on Landslide Hazard Zonation Using Remote Sensing & GIS, held at Crown Princess Hotel, Kuala Lumpur on 14-25 June 1999



Majlis menandatangan MOU antara MACRES dan Jabatan Pengairan dan Saliran di Kuching, Sarawak pada 27 November 1999

The signing ceremony of MOU between MACRES and Department of Drainage and Irrigation in Kuching, Sarawak on 27 November 1999



Lawatan pakar-pakar marin Vietnam ke MACRES pada 2 Mac 1999

Visit of marine experts of Vietnam to MACRES on 2 March 1999



Seminar Dissemination of New Remote Sensing Methodology Through a Semi-expert System seminar anjuran MACRES, JOFCA dan ITTO di Kuala Lumpur pada 7-8 Jun 1999

Dissemination of New Remote Sensing Methodology Through a Semi-expert System Seminar organised by MACRES, JOFCA and ITTO in Kuala Lumpur on 7-8 June 1999

## Sorotan Peristiwa / Highlights of Events

*Sambutan Hari Keluarga MACRES 1999 pada 2 Oktober 1999*

*MACRES 1999 Family Day celebration on 2 October 1999*



*Mesyuarat Agung Kelab MACRES ke-3 yang diadakan pada 22 Februari 1999*

*Kelab MACRES 3rd Annual General Meeting held on 22 February 1999*



*Kakitangan MACRES yang berjaya menerima Anugerah Khidmat Cemerlang tahun 1998 pada 23 Ogos 1999*


*MACRES staff who received the 1999 Anugerah Khidmat Cemerlang award on 23 August 1999*



*Majlis perpisahan bagi dua kakitangan pioneer MACRES pada 5 Ogos 1999*

*Farewell gathering for two MACRES pioneer staff on 5 August 1999*





**PROGRAM  
PENYELIDIKAN &  
PEMBANGUNAN**

---



**RESEARCH &  
DEVELOPMENT  
PROGRAMME**

1860  
Montgomery

## **Program Penyelidikan & Pembangunan Research & Development Programme**

Pada tahun 1999, MACRES meneruskan pelaksanaan tiga program P&P, iaitu projek penyelidikan MACRES, penyelidikan IRPA dan penyelidikan kerjasama/dua-hala tempatan dan antarabangsa.

In 1999, MACRES continued implementing three R&D programmes, i.e. MACRES development projects, IRPA research projects and collaborative projects with local and foreign partners.

### **Projek P&P MACRES/MACRES R&D Projects**

#### **Program Pengurusan Sumber dan Alam Sekitar Nasional(NAREM)**

Dalam tahun 1999 NAREM membangunkan kemasukan input datameta, direktori data dan 'Rekabentuk Pangkalan Model' (*Model Base Design*). Data *baseline* untuk pertanian, perhutanan, geologi, perairan dan aplikasi sosio-ekonomi telah juga diwujudkan. Pakej-pakej aplikasi telah

dibentuk untuk perancangan guna tanah pertanian bersepadu, membuat indeks kepekaan pencemaran tumpahan minyak di zon pantai, penilaian risiko hakisan tanah dan pemetaan kawasan potensi air bawah tanah. Dua pakar dari China membantu dalam pembangunan rekabentuk pangkalan model dan penyediaan program antara muka (*interface*).

*Objektif projek NAREM adalah untuk mewujud dan mengoperasikan satu sistem pangkalan data spatial bersepadu untuk sumber asli dan alam sekitar untuk menyokong perancangan pembangunan negara.*

*The NAREM project has the objective to establish and operationalise an integrated system of spatial database on national resources and the environment to support national development planning*



Seminar Projek IRPA MACRES Kedua yang berlangsung pada 21 Disember 1999  
The Second MACRES IRPA Projects Seminar held on 21 December 1999

#### **National Resources and Environmental Management Programme (NAREM)**

In 1999 NAREM developed its metadata input entry, data directory and model base design. The baseline data for agriculture, forestry, geology, coastal zone and socio-economic application was also established. Application packages were developed for integrated agriculture land use planning, sensitivity indexing against oil spill pollution in coastal zone, soil erosion risk assessment and groundwater potential mapping using appropriate models. Two experts from China assisted in the model-based design development and preparation of interface programme.

Dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Seminar NAREM Kedua telah dianjurkan pada 30 Mac 1999 di INTAN. 120 peserta dari 56 agensi pengguna (jabatan-jabatan sumber, institusi-institusi penyelidikan dan universiti-universiti) telah menghadiri seminar tersebut. Satu seminar berkenaan '*Precision Agriculture*' telah dianjurkan bersama dengan University of Sydney, Australia pada 20-21 Julai 1999, di Kuala Lumpur. MACRES juga menganjurkan seminar '*Rice Monitoring using SAR Data*' bersama CNES, Perancis pada 15-16 November 1999, di Kuala Lumpur. Kedua-dua seminar ini memberi sumbangan yang bermakna kepada pemindahan teknologi untuk pelaksanaan projek-projek NAREM. MACRES turut melaksanakan beberapa projek bersama agensi pengguna berkaitan untuk pembangunan aplikasi di bawah NAREM. Ini termasuklah :

- Pengesahan perubahan garisan pantai
- Ramalan banjir dan pengurusan lembangan sungai
- Pengurusan hutan
- Pemetaan potensi akuakultur, ramalan potensi Ikan dan Pengurusan Taman Laut
- Ketepatan Perladangan Kelapa Sawit



Peserta Seminar NAREM Kedua pada 30 Mac 1999 sedang mendaftar  
Registration of participants of the Second NAREM Seminar held on 30 March 1999

In collaboration with the Economic Planning Unit (EPU) of the Prime Minister's Department, the Second NAREM National Seminar was organised on 30 March 1999 at INTAN. 120 participants from 56 user agencies (resource departments, research institutions and universities) attended the seminar. On 20-21 July 1999 a seminar on Precision Agriculture was organised jointly with the University of Sydney, Australia, in Kuala Lumpur. MACRES also organised the Rice Monitoring Using SAR Data Seminar with CNES, France on 15 - 16 November 1999 in Kuala Lumpur. These two seminars contributed significantly to technology transfer in the precision agriculture and rice monitoring projects of NAREM. MACRES initiated several joint projects with relevant user agencies for the application development under NAREM. These include:

- Coastline change detection
- Flood forecasting and river basin management
- Forest management
- Aquaculture potential mapping, fish potential forecasting and marine parkmanagement
- Precision oil palm cultivation.



Seminar '*Precision Agriculture*' pada 20 -21 Julai di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur  
Seminar on Precision Agriculture on 20 -21 July, at Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur

## Pemantauan Kawasan Sensitif Alam Sekitar

Pada 6 Januari 1999, Jemaah Menteri telah meminta MACRES melapor secara berterusan mengenai status kawasan-kawasan perlindungan sensitif alam sekitar menggunakan teknologi remote sensing dan teknologi yang berkaitan. Objektif utama arahan tersebut adalah untuk memastikan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar seperti kawasan tадahan air, kawasan simpan hutan liar, taman nasional, hutan simpanan, hutan paya gambut dan hutan bakau dilindungi daripada aktiviti-aktiviti negatif seperti pembalakan dan penerokaan haram. Kawasan-kawasan sensitif alam sekitar adalah khazanah negara yang kaya dengan pelbagai biologi. Rajah 1 menunjukkan kawasan tадahan Tasek Bera yang merupakan tasik air tawar yang terbesar di Semenanjung Malaysia dan seperti kawasan paya yang lain, ia memainkan peranan penting bagi kawalan banjir, kawalan pengaliran air dan penapisan kekotoran serta membekalkan sumber-sumber semulajadi kepada penduduk tempatan. Tasek Bera telah diiktiraf sebagai kawasan RAMSAR yang pertama di Malaysia oleh *International Wetlands Convention*. Nota-nota Kabinet telah disediakan dengan input daripada agensi-agensi yang berkaitan bagi pengesahan maklumat yang diperolehi daripada remote sensing.

## Monitoring of Environmental Sensitive Areas

On 6 January 1999, MACRES was requested to submit to the Cabinet regular reports on the status of environmental sensitive areas using remote sensing and related technologies. The main objective of the directive is to ensure that these environmental sensitive areas such as water catchment, wildlife reserves, national parks, forest reserves, peat swamp forests and mangrove forests are being protected from unwarranted activities such as illegal logging and development encroachment around and within them. These areas are also part of our national heritage that need to be conserved and managed in sustainable ways to preserve their ecological functions and their rich bio-diversities. Figure 1 shows Tasek Bera catchment area, which is the largest natural freshwater lake in Peninsular Malaysia and like many other wetlands, plays an important role in flood control, water flow regulation and purification, and provides many natural resources to the local community. Tasek Bera has been recognised as the Malaysia's first RAMSAR site by the International Wetlands Covention. Reports to the Cabinet was prepared in collaboration with relevant government agencies which provide inputs required for verification of information obtained from satellite remote sensing data.



Pada tahun 1999 sebanyak 12 nota telah dikemukakan ke Kabinet yang meliputi topik-topik berikut:

- Kawasan Tadahan Temengor/Belum
- Kawasan Tadahan Tasek Bera
- Pembangunan Tanah Di sekitar Taman Negara
- Kawasan Hutan Di Sekitar MSC
- Kawasan Tadahan Tasek Kenyir
- Hutan Bakau Di sekitar Port Klang
- Hutan Paya Gambut Di sekitar Daerah Pekan dan Rompin, Pahang
- Penggunaan Tanah Di sekitar Bukit Pelandok, Negeri Sembilan
- Aktiviti Pembalakan/Pembangunan Di sekitar Tanah Tinggi Lojing
- Pembangunan Persisiran Pantai di Melaka
- Penukaran Kawasan Padi ke Kegunaan Tanah Lain Di sekitar Alor Setar
- Pengesanan dan Pemantauan Kebakaran Hutan Menggunakan Data Satelit SPOT Berresolusi Tinggi




*Kawasan tadahan air Tasek Bera  
Tasek Bera catchment area*

In 1999, a total of 12 reports were submitted to the Cabinet covering the following topics:

- Temengor/Belum Catchment Areas
- Tasek Bera Catchment Areas
- Land Development Around Taman Negara
- Forested Land Around MSC Area
- Tasek Kenyir Catchment Areas
- Mangrove Forest Around Port Klang
- Peat Swamp Forest Around Pekan and Rompin District, Pahang
- Land Use Around Bukit Pelandok, Negeri Sembilan
- Logging/Land Development Activities in Highland Areas Around Lojing
- Coastal Land Development In Melaka
- Coservation of Paddy Fields to Other Land Uses Around Alor Setar
- Detection and Monitoring of Forest Fires Using High Resolution SPOT Satellite Data


## Kebakaran Hutan-Pengesanan dan Pemantauan

Komponen pengesanan dan pemantauan di bawah Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan yang di rumuskan oleh MACRES semasa episod jerebu 1997/1998 diteruskan perlaksanaannya ditahun 1999. Imej-imej kebakaran hutan dan pembakaran terbuka yang dikesan oleh satelit SPOT di Malaysia dan Indonesia telah diproses dan dimajukan kepada pihak berkuasa di Malaysia dan juga di luar negara melalui siri mesyuarat *Sub-Regional Fire Fighting Arrangements(SRFA)* bagi Sumatra, yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia. SRFA akan melapor kepada *ASEAN Senior Officials on Environment (ASOEN) Haze Technical Task Force (HTTF)* yang kemudiannya melapor kepada *ASEAN Ministerial Meeting on Haze (AMMH)*. AMMH memastikan Pelan Bertindak Serantau Jerebu berjaya dilaksanakan. Rajah-rajab menunjukkan kebakaran hutan yang dikesan oleh satelit SPOT pada 29 Julai 1999 di sekitar Kanowit dan Sg. Pakoh, Bahagian Ketiga, Sarawak.



Kebakaran hutan yang dikesan melalui satelit SPOT pada 29 Julai 1999 di kawasan Kanowit dan Sg. Pakoh, Sarawak

Forest fires detected by SPOT satellite on 29 July 1999 around Kanowit and Sg. Pakoh area.



## Forest Fire-Detection and Monitoring


The component on Detection and Monitoring of the Total Forest Fire Management Plan formulated by MACRES during the haze episode of 1997/1998 continued to be implemented in 1999. Forest fires scenes acquired by high resolution SPOT satellite images within Malaysia and Indonesia were processed and disseminated to relevant authorities within Malaysia for actions and outside the country via a series of meetings of the Sub-Regional Fire Fighting Arrangements (SRFA) for Sumatra, which is chaired by the Director General of the Department of Environment, Malaysia. The SFRA will report to the ASEAN Senior Officials on Environment (ASOEN) Haze Technical Task Force (HTTF) which subsequently submit reports to the ASEAN Ministerial Meeting on Haze (AMMH). The AMMH ensures that the Regional Haze Action Plan (RHAP) that addressses Transboundary Pollution including smoke haze from forest fires be implemented successfully. Figures show forest fires detected by SPOT satellite on the 29 July 1999 around Kanowit and Sg. Pakoh areas in the 3rd Division, Sarawak.

## Peta Imej Satelit(SIM)

Projek Peta Imej Satelit(SIM) dijalankan bagi menyediakan peta topografi berdasarkan kepada imej remote sensing dan data vektor terpilih seperti jalan raya, kontor sungai dan sempadan pentadbiran. Pangkalan data yang dihasilkan dari projek SIM ini menjadi sebagai data asas kepada pangkalan data projek NAREM yang dilaksanakan oleh MACRES. Bagi melicinkan pelaksanaan projek SIM yang memerlukan banyak data vektor, MACRES menjalankan projek ini dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Dalam tahun 1999 pangkalan data vektor yang terdiri daripada lapisan kontor, hidrografi dan pentadbiran telah dihasilkan bagi seluruh negeri Selangor. Berasaskan maklumat kontor dan 'spot height', sebanyak lapan lembar peta 'digital terrain model' telah dihasilkan. Aktiviti integrasi data remote sensing dan data vektor diikuti dengan aktiviti kartografi telah berjaya menghasilkan sebanyak lapan lembar peta SIM. Satu unit 'real-time differential GPS' berharga RM50,000 telah dibeli dalam tahun 1999 bagi mempercepatkan pengumpulan 'ground control points (GCP)'.

Projek SIM adalah satu usaha penyediaan peta topografi berlatar belakangkan imej remote sensing

The SIM Project is aimed to produce a topographic map with remote sensing data in the background



Contoh peta SIM yang telah dihasilkan oleh MACRES  
A sample of SIM map produced by MACRES

## Satellite Image Map (SIM)

Satellite Image Map project was initiated to produce a topographical map of vector data such as road network, contour, river network and administrative boundary with remote sensing data in the background. The database created for SIM project will serve as a base data for NAREM project, currently undertaken by MACRES. To facilitate the development of vector data layer MACRES undertake to implement this project together with JUPEM. In 1999 the development of database for contour, hydrography and administrative boundary for the whole Selangor were accomplished. Eight digital terrain model were generated from contour and spot height. Integration of remote sensing with vector data and cartographic activities had produced eight SIM maps in 1999. One unit real-time differential GPS costing RM 50,000 was purchased in 1999 to expedite the collection of ground control points (GCP).

## **Projek IRPA / IRPA Project**

*MACRES meneruskan pelaksanaan 5 projek IRPA pada tahun 1999*

*MACRES continued implementing 5 IRPA projects in 1999.*

Lima projek IRPA yang dilaksanakan pada tahun 1999 ialah; (1)AIRSAR PACRIM; (2)Pemetaan Guna/Litupan Tanah Menggunakan Data Radar; (3)Pembangunan Penderia Untuk Pemerhatian Bumi Dari Angkasa; (4) Analisis Ciri-ciri Pembalikan Radar dari Pelantar Angkasa dan (5)Pembangunan Model untuk Proses Dinamik Pantai.

Five IRPA projects implemented in 1999 were; (1)AIRSAR-PACRIM programme; (2)Land Use /Cover Mapping Using Radar Data; (3)Development of Sensor for Earth Observation from Space; (4)Analysis of Radar Backscattering Characteristics from Space Platform and (5)Development of A Model for Coastal Dynamic Processes.

### **AIRSAR PACRIM**

Pada tahun 1999 program ini meneruskan analisis dan pemprosesan data POLSAR dan TOPSAR untuk pembangunan aplikasi. Projek ini telah mencapai empat matlamat utama:

- perbezaan litupan tanah mengurangkan tanda-tanda polarmetrik
- struktur geologi dan pemetaan litologi menggunakan TOPSAR data
- mengenalpasti gelombang spektral menggunakan data jalur interferometrik C
- penghasilan maklumat zon pantai dengan menggunakan data TOPSAR dan POLSAR

Hasil projek ini telah dibentangkan dalam dua bengkel AIRSAR PACRIM; pada 10-13 Februari 1999 di Pasadena, California dan pada 23-27 Ogos 1999 di Maui, Hawaii, USA.

### **AIRSAR PACRIM**

In 1999 this programme continued analyses and processing of POLSAR and TOPSAR data for application development. The project achieved four major milestones:

- Land cover discrimination using polarimetric signatures
- geological structure and lithology mapping using TOPSAR data
- wave spectra determination using interferometric C band data
- coastal zone information generation using TOPSAR and POLSAR data

These results were presented at two AIRSAR PACRIM workshops; on 10 - 13 February 1999 at Pasadena, California and on 23-27 August 1999 at Maui, Hawaii in USA.

## PROJEK KERJASAMA / COLLABORATIVE PROJECTS

MACRES meneruskan perlaksanaan projek-projek kerjasama dengan rakan-rakan tempatan dan antarabangsa tahun ini. Kini MACRES sedang melaksanakan penyelidikan bersama-sama agensi antarabangsa seperti China, Canada, Jepun, United Kingdom dan Vietnam dan bersama-sama rakan tempatan seperti Jabatan Perairan dan Saliran(JPS),Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Telekom (UNITELE).

MACRES still continued implementing collaborative projects with its national and international counterparts this year. MACRES is conducting research with international agencies like China, Canada, Japan, United Kingdom and Vietnam and with local partners such as Department of Drainage and Irrigation(JPS), Universiti Putra Malaysia (UPM) and Universiti Telekom (UNITELE).

### *Projek Kerjasama Antarabangsa*

#### *Malaysia – Kanada*

MACRES, bersama Universiti Telekom (UNITELE) dan Canadian Center for Remote Sensing (CCRS), telah memulakan projek bertajuk "Tindakbalas pembalikan SAR pada beberapa peringkat pertumbuhan padi sawah". Projek ini menganalisis tindakbalas pembalikan peringkat tumbesaran padi yang berbeza menggunakan empat data Radarsat pada tahun 1998 dan empat lagi pada tahun 1999. Parameter ini akan membentuk asas pembangunan model bagi ramalan pengeluaran padi pada tahun 2000. Data lapangan diperolehi dengan kerjasama MADA. Keputusan-keputusan yang diperolehi telah dibentangkan di dalam *Malaysian Remote Sensing and GIS Conference* pada 16-18 Mac, 1999 di Shah Alam, Selangor.

*Objektif projek adalah untuk menganalisa tindakbalas pembalikan SAR mengikut beberapa peringkat tumbesaran padi*

*The project objective is to analyse the SAR backscatter response of various stages of padi growth*

### *Joint International Collaborative Projects*

#### *Malaysia - Canada*

MACRES, together with Universiti Telekom (UNITELE) and the Canadian Centre for Remote Sensing (CCRS), initiated a collaborative project entitled "SAR Backscatter Response Of Various Growth Stages of Wetland Rice". The project entailed analysis of backscatter responses corresponding to different growth stages of paddy using four radarsat acquisitions in 1998 and another four in 1999. These parameters will form the basis for development of a rice yield predictive model in 2000. Field data were obtained with the participation of the Malaysian Agricultural Development Authority (MADA). Results were presented in the 2nd Malaysian Remote Sensing and GIS Conference on 16 -18 March, 1999 in Shah Alam, Selangor.

## Malaysia – Japan

MACRES menganjurkan satu bengkel antarabangsa bertajuk 'Forest Canopy Density Mapping' dengan *Japan Overseas Forestry Consultants Association (JOFCA)* dan *International Tropical Timber Organisation (ITTO)* pada 7-8 Jun, 1999, di Kuala Lumpur. Objektif bengkel ini adalah untuk

*MACRES dan JOFCA  
telah bersama-sama  
menganjurkan satu  
bengkel antarabangsa  
Forest Canopy Density di  
Malaysia*

*MACRES together with  
JOFCA organised an  
international workshop on  
Forest Canopy Density in  
Malaysia*

berkongsi pengalaman dalam pegesahan Model *Forest Canopy Density* (FCD) yang dibangunkan oleh JOFCA dan ITTO di Afrika Selatan, Indonesia dan Filipina. Bengkel ini telah dihadiri oleh 25 peserta dari negara anggota ITTO, termasuk 10 peserta dari Malaysia. Selepas seminar tersebut, MACRES dan Jabatan Perhutanan Malaysia telah diminta oleh JOFCA untuk mengesahkan model FCD di Lembah Danum, Sabah.

## Malaysia - Japan

MACRES organised an international workshop entitled 'Forest Canopy Density Mapping' with the Japanese Overseas Forestry Consultants Association (JOFCA) and International Tropical Timber Ogranisation (ITTO) on 7-8 June, 1999, in Kuala Lumpur. The objective of the workshop was to share experience in the verifications of the Forest Canopy Density (FCD) Model developed by JOFCA and ITTO in South Africa, Indonesia and the Philippines. The workshop was attended by 25 participants from member countries of ITTO, including 10 from Malaysians. As a follow-up of the seminar, MACRES and the Forest Department of Malaysia were requested by JOFCA to verify the FCD model in Danum Valley, Sabah.



Seminar antarabangsa "Forest Canopy Density Mapping" yang berlangsung pada 7-8 Jun, 1999, di Kuala Lumpur

*International Seminar on "Forest Canopy Density Mapping" held on 7-8 June, 1999, in Kuala Lumpur*

## Malaysia-United Kingdom / Malaysia-United Kingdom

Projek ini menghasilkan satu algoritma untuk mengesan perubahan litupan hutan

This project generated an algorithm for forest canopy change detection

Sebuah projek bertajuk 'Indicators Of Forest Sustainability (INFORsus)' telah dijalankan di bawah kerjasama Kesatuan Eropah - ASEAN yang dijadualkan untuk 1997-1999, telah siap pada 1999 dan keputusan telah dibentangkan di bengkel INDFORSUS pada April 1999 di Ho Chi Minh, Vietnam. Projek ini telah menghasilkan satu algoritma untuk mengesan perubahan litupan hutan.

A project entitled Indicators of Forest Sustainability (INDFORSUS) carried out under a joint European Union-ASEAN initiation scheduled for 1997-1999, was completed in 1999 and the results were presented in the

INDFORSUS workshop in April 1999 in Ho Chi Minh City, Vietnam. The project generated an algorithm for forest canopy change detection.

## Malaysia-China / Malaysia-China

Dua pakar dari China telah ditugaskan di bawah program NAREM untuk membantu membangunkan rekabentuk pangkalan model dan penyediaan program antaramuka untuk pangkalan data NAREM. Pakar tersebut juga bertanggungjawab untuk memindahkan teknologi kepada ahli-ahli pasukan projek MACRES.

Two experts from China were engaged under the NAREM programme to assist in the model-based design development and preparation of interface programmes for the NAREM database. These experts were also responsible for transfer of technology to the relevant MACRES project team members.

## Malaysia – Vietnam / Malaysia - Vietnam

MACRES dan Hanoi Institute of Oceanography (HIO) telah memulakan projek kerjasama bertajuk 'Coastal Zone Management Using Remote Sensing and GIS'. Tiga sub-projek telah dijalankan—Model for Oil Spill Sensitivity, Fish Potential Mapping dan Zoning Wave Impact on Shore Line Change. Tiga pegawai penyelidik telah ditugaskan di HIO, Hanoi pada 14-27 November 1999 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan kerjasama dengan pegawai-pegawai penyelidik Vietnam.

MACRES and the Hanoi Institute of Oceanography (HIO) started implementing a co-operative project entitled 'Coastal Zone Management Using Remote Sensing and GIS'. Three sub-projects were conducted - Model for Oil Spill Sensitivity, Fish Potential Mapping and Zoning Wave Impact on Shore Line Change. Three research officers were attached at HIO, Hanoi on 14-27 November 1999 to carry out joint research activities with Vietnamese counterparts.

MACRES dan HIO melaksanakan projek kerjasama dalam bidang pengurusan pantai

MACRES and HIO implemented a joint project on coastal zone management

MACRES mendapat kerjasama dari China dalam projek pembangunan rekabentuk pangkalan model dan penyediaan program antaramuka untuk pangkalan data NAREM

MACRES obtained assistance from China in the model-based design development and preparation of interface programmes for the NAREM database

### Pembangunan Perkakasan

Untuk mencapai matlamat pembangunan perkakasan, tumpuan diberi kepada dua aspek pembangunan iaitu pembangunan infrastruktur yang melibatkan pembinaan sebuah makmal pembangunan sensor dan pembangunan tenaga manusia bagi menjana kepakaran kakitangan didalam teknologi sensor remote sensing.

Bahagian Pembangunan Perkakasan juga melaksanakan penyelidikan dalam remote sensing gelombang mikro dan projek pembangunan SAR bagi aplikasi remote sensing. Kedua-dua projek ini dijalankan bersama Universiti Telekom (UNITELE). Satu memorandum persefahaman (MOU) telah ditandatangani bagi mewujudkan kerjasama didalam pembangunan dan pengoperasian remote sensing dan bidang-bidang berkaitan.

Projek Pembangunan Remote Sensing Gelombang Mikro bermula pada tahun 1999 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Objektif utama projek ini ialah untuk membangunkan sebuah makmal radar remote sensing dengan satu sistem *Anechoic Chamber* dan satu sistem *scatterometer* bergerak untuk menghasilkan *Model Terrain Berdigit* (DTM) daripada data radar. Bagi pembangunan sistem *Anechoic Chamber* dan *scatterometer* bergerak,

*Objektif Bahagian  
Pembangunan Perkakasan  
ialah untuk  
membangunkan sensor  
optik dan radar bagi  
tujuan remote sensing*

*The objective of Hardware  
Development Division is  
to develop optical sensor  
and radar for remote  
sensing*

### Hardware Development

To achieve the division's objectives for 1999 emphasis was given on infrastructure development which involved the building of a sensor development laboratory and human resource development in generating skilled personnel in remote sensing sensor technology.

The Hardware Development Division also implemented research in Microwave Remote sensing and development of SAR for remote sensing application. The projects are implemented in collaboration with Universiti Telekom (UNITELE). A memorandum of understanding (MOU) was signed to cooperate in the development and operation of remote sensing and related fields.

The Microwave Remote Sensing Development project started in 1999 with a financial allocation of RM2.5 million. Its main objective of the project is to develop radar remote sensing laboratory with Anechoic Chamber and a system of mobile scatterometer for developing a Digital Terrain Model (DTM) from radar data. For the development of Anechoic Chamber and mobile scatterometer,

penyelidikan dijalankan secara kontrak dengan UNITELE melalui perjanjian perundingan telah ditandatangani oleh MACRES dengan UNITELE pada 29 Disember 1999. Projek ini akan disambung ke tahun 2000 dan dijangka tamat pada penghujung Rancangan Malaysia Ke-8. Bahagian Pembangunan Perkakasan ini juga sedang bekerjasama dengan UNITELE dalam projek pembangunan SAR bagi aplikasi remote sensing. Projek ini bermula pada tahun 1998 dengan peruntukan IRPA sebanyak RM 301,000.00 dan akan dilaksana sehingga tahun 1999. Pemindahan teknologi dari UNITELE ke MACRES, yang merupakan satu komponen dalam projek ini, telah dibuat melalui beberapa siri syarahan tentang prinsip rekabentuk radar dan disampaikan oleh pensyarah-pensyarah UNITELE kepada pegawai-pegawai MACRES.

*the research was contracted to UNITELE through a consultancy agreement signed on 29 December 1999. This project will continue in 2000 and will be completed by the end of the 8<sup>th</sup> Malaysian Plan. The Hardware Development Division is also collaborating with UNITELE on SAR development project for remote sensing application. This project began in 1998 with financial allocation of RM 301,000.00 from IRPA until the year 1999. Technology transfer from UNITELE to MACRES, which is a major component of this project, has been made through a series of lectures on radar design principle given by UNITELE lecturers to MACRES officers.*

*Gambar-gambar yang diambil semasa dua pegawai penyelidik MACRES menjalani latihan sangkut di University of Texas at Arlington, Texas, USA, untuk tujuan projek pembangunan remote sensing gelombangmikro .*

*Photos taken while two MACRES research officers attended an attachment course at the University of Texas at Arlington, Texas, USA, for the purpose of remote sensing microwave development projek.*




*Sasaran jenis random rough surface yang diguna dalam kajian gelombang mikro.  
Random rough surface target used in microwave experiments.*



*Penyusunan makmal untuk mengukur radar cross-section.  
Laboratory arrangement for measuring radar cross-section.*



*Contoh horn antenna yang digunakan dalam Anechoic Chamber.  
Example of horn antenna used in an Anechoic Chamber*



*Wedge-shaped absorber di dalam sistem Anechoic Chamber.  
Wedge-shaped absorber in an Anechoic Chamber system.*


# **PROGRAM OPERASI**

---



---

## **OPERATIONS PROGRAMME**



## Program Operasi / Operations Programme



Pembangunan tenaga manusia  
Human resource development

Program Operasi bagi tahun 1999 memberi keutamaan kepada pelaksanaan empat aktiviti berikut:

The Operations Programmes for 1999 gave priority to the following four activities:

### Pembangunan tenaga manusia Human resource development

- kursus pendek
- kursus ijazah lanjutan
- seminar/konferen
- kollokium
- bengkel
- ceramah

- short courses
- postgraduate courses
- seminar/conference
- colloquium
- workshop
- talks

### Pembangunan fizikal dan kemudahan

- ibu pejabat baru
- bangunan stesen bumi
- perolehan perkakasan dan perisian
- kemudahan internet

### Physical development and facilities

- new office building
- ground station building
- hardware and software acquisition
- internet facilities

### Perkhidmatan pengguna

- perkhidmatan data
- promosi dan penyebaran maklumat teknologi remote sensing
- perkhidmatan korporat

### User services

- data services
- promotion and dissemination of remote sensing technology information
- corporate services

### Aktiviti antarabangsa

### International activities



Aktiviti antarabangsa  
International activities

## PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA (PTM)

Sebagai sebuah institusi penyelidikan yang berdasarkan teknologi remote sensing, MACRES amat memerlukan kakitangan teknikal yang terlatih dan sentiasa terdedah kepada perkembangan terkini dalam teknologi tersebut. Selaras dengan keperluan ini MACRES telah melaksanakan program pembangunan tenaga manusia melalui program ijazah lanjutan, kursus jangka pendek dan panjang, latihan sambil bekerja dan seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Program pembangunan tenaga manusia ini dibiayai oleh Tabung Pembangunan Sumber Manusia, KEMSAINS, peruntukan PTM MACRES dan peruntukan projek NAREM serta IRPA. Disamping keperluan latihan, beberapa inisiatif telah dirancang untuk mengambil tenaga pakar dari luar negara untuk tujuan pemindahan teknologi dan meningkatkan kapasiti kepakaran kakitangan teknikal.

Di sepanjang tahun 1999, MACRES telah menyelaraskan sebanyak 71 latihan, dimana 14 adalah di peringkat antarabangsa dan 57 adalah di dalam negara. Latihan merangkumi kursus teknologi remote sensing, pembangunan organisasi, komunikasi dan pentadbiran.

*Program PTM MACRES melibatkan aktiviti latihan untuk meningkatkan bilangan kakitangan mahir & terlatih bagi menyokong pelaksanaan program penyelidikan dan pengoperasian teknologi remote sensing.*

*MACRES HRD entails training activities to increase skilled and trained manpower to support R&D*



Seminar Projek Pembangunan MACRES

MACRES Development Projects Seminar

## HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT (HRD)

Being a research institution based on remote sensing technology, MACRES needs well trained technical staff who are always exposed to current development in the technology. In line with this requirement, MACRES implemented its human resource development programme which comprised postgraduate courses, short and long-term courses, on-the-job trainings and national and international seminars. These programmes were funded by the KEMSAINS Human Resource Development Fund, MACRES HRD allocation and project fundings from NAREM and IRPA. Besides technical trainings, MACRES had outsourced international experts as an effort for technology transfer along with increased in knowledge and expertise in remote sensing and related technologies.

To fulfill the above objective, MACRES has organised 71 courses/training whereby 14 were international courses and 57 were local. Priority was given to topics on remote sensing and relevant technologies, organisational development, communication and administration.

Selain itu, kursus asas remote sensing peringkat kebangsaan telah diadakan untuk pegawai MACRES dan agensi pengguna pada 4 Oktober-27 November 1999. Peserta terdiri dari 24 pegawai profesional dari pelbagai agensi kerajaan, termasuk 14 orang dari MACRES, dan seorang dari agensi swasta. Kursus dua bulan ini dianjurkan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor. Ceramah mengenai tajuk-tajuk khusus remote sensing turut diadakan dengan penglibatan pakar-pakar luar negara dan pakar tempatan. Bagi kursus ijazah lanjutan pula, enam orang pegawai MACRES ditawarkan mengikuti kursus sarjana remote sensing di universiti tempatan dalam tahun 1999. Selaras dengan objektif untuk meningkatkan daya usaha serta kemahiran pegawainya, MACRES juga menyediakan landasan untuk pembentangan isu-isu teknikal melalui kolokium mingguan. Setiap pegawai yang telah berkursus dikehendaki berkongsi pengalaman masing-masing melalui kolokium pada setiap Sabtu. Sebanyak 20 kolokium telah dianjurkan tahun ini.

